

18 AUG 2002

DR MAHATHIR TAK CADANG JUMPA SUU KYI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak ada rancangan untuk menemui pemimpin pembangkang Myanmar Aung San Suu Kyi semasa lawatan dua harinya ke negara itu bermula hari ini.

Perdana Menteri berkata apa yang beliau harapkan ialah untuk mengukuhkan hubungan antara Malaysia dan Myanmar.

"Saya tak bercadang berjumpanya kali ini," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menyaksikan Kejohanan Bot Laju F-1 Dunia di tasik The Mines Resort City di sini hari ini.

Selepas acara itu, Perdana Menteri berlepas ke Yangon. Ini merupakan lawatan kedua beliau ke negara anggota Asean itu dalam tempoh 19 bulan lepas dan yang keempat sejak 1988.

Dr Mahathir diiringi rombongan 300 anggota termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie.

Pada September tahun lepas, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe, telah melawat Malaysia.

-- BERNAMA  
AFY AKT MAI